

SKEMA SET 5

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan (2 markah)

Markah

P1	Petikan membincangkan usaha / cara / kaedah / strategi / tindakan yang diambil oleh murid untuk mengurangkan tekanan ketika peperiksaan di negara ini / di Malaysia.	2
P2	Petikan membincangkan usaha / cara / kaedah / strategi / tindakan yang diambil oleh murid untuk mengurangkan tekanan dan faktor yang menyebabkan pelajar mengalami tekanan	2
P3	Rumusan membincangkan usaha / cara / kaedah / strategi / tindakan yang diambil oleh murid untuk mengurangkan tekanan ketika peperiksaan dan peranan sekolah untuk mengurangkan tekanan.	2
P4	Petikan membincangkan usaha / cara / kaedah / strategi / tindakan yang diambil oleh murid untuk mengurangkan tekanan ketika peperiksaan.	1
P5	Petikan membincangkan langkah-langkah yang diambil oleh murid untuk mengurangkan tekanan ketika peperiksaan	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

langkah-langkah yang diambil oleh murid untuk mengurangkan tekanan ketika peperiksaan

S1	Mempunyai kemahiran untuk menjadi lebih bijak menguruskan diri dari stres mengatasi masalah tekanan perasaan	2
S2	Sentiasa tenang dan fokus terhadap peperiksaan yang akan dihadapi	2
S3	Melaksanakan perancangan yang sesuai berdasarkan kemampuan dan komitmen mengikut keupayaan	2
S4	Mengadakan jadual pembelajaran yang sistematik dan boleh diikuti	2
S5	Belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan	2
S6	Menjauhkan diri daripada perkara yang merosakkan emosi dan ketenangan	2
S7	Menjaga kesihatan diri	2
S8	Membanyakkan amalan kerohanian yang dapat memberikan ketenangan	2

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)

peranan sekolah dalam mengurangkan tekanan

T1	Sekolah menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif	2
T2	Pelajar yang bermasalah dirujuk kepada kaunselor	2
T3	Sekolah tidak melatakan sasaran yang terlalu tinggi terhadap murid	2
T4	Guru-guru bersifat membimbing dan bukan mengawal	2
T5	Pihak sekolah menjalinkan hubungan erat dengan ibu bapa	2
T6	Sekolah mengadakan Kem Motivasi	2
T7	Sekolah menyeimbangkan aktiviti antara akademik dan kokurikulum	2
T8	Sekolah mengadakan aktiviti menarik -lawatan, jungle traking, mendaki gunung, berkayak	2

(Isi-isi tersirat yang lain diterima sekiranya sesuai dan dipayungkan dengan jawapan T1-T8)

Penutup (2 markah)

K1	Kesimpulannya, semua pihak haruslah membantu murid menghadapi tekanan ketika peperiksaan supaya / agar pelajar sentiasa bersemangat tinggi / cemerlang dalam peperiksaan	2
K2	Kesimpulannya, masyarakat hendaklah bekerjasama membantu murid menghadapi tekanan ketika peperiksaan	1

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

(i) Maksud rangkai kata *mengikut keupayaan* ialah:

- | | |
|-----------------------|---|
| P1 menurut kemampuan | 2 |
| P2 mengikut kemampuan | 1 |
| P3 menurut keupayaan | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Faktor-faktor yang menyebabkan murid menghadapi tekanan ialah:

- P1 Ibu bapa amat mengharapkan keputusan yang cemerlang daripada anak-anak.
- P2 Tekanan daripada rakan sebaya terutama murid-murid yang belajar di sekola berasrama penuh kerana perbezaan pendapat atau tidak bersetuju dengan cara dan tingkah laku mereka
- P3 Masalah hubungan peribadi dengan rakan-rakan
- P4 Masalah keluarga
- P5 Masalah dengan guru

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Tindakan-tindakan yang boleh saya lakukan untuk membantu rakan tersebut mengatasi tekanan perasaan yang dihadapinya ialah:

- P1 Mengajak rakan saya melakukan riadah/bersenam/rekreasi bersama-sama
- P2 Menasihati rakan saya supaya bercuti/melancong untuk menenangkan fikiran
- P3 Mengajak rakan saya menyertai majlis ilmu / kem motivasi/kem jati diri
- P4 Membantu rakan saya dalam hal pembelajaran
- P5 Mengajak rakan berjumpa kaunselor
- P6 Membawa rakan bertemu dengan doktor pakar jiwa

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpun Cinta Ahmad Mutawakkil

I. Berdasarkan petikan di atas, sebab-sebab Ahmad Mutawakkil jarang pulang ke kampung kerana:

- P1 Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar
- P2 Dia terpilih sebagai pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah
- P3 Ahmad Mutawakkil mempunyai tanggungjawab menyampaikan ceramah di merata-rata tempat
- P4 Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar / menjadi wartawan

:

[Maksimum : 2 markah]

[Pilih mana-mana 2 isi]

(ii) Sebagai remaja, usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengekalkan kemerdekaan yang sedia ada ialah :

- P1 Belajar ke peringkat yang lebih tinggi untuk menjadi rakyat yang berilmu dan memberi sumbangan untuk kemajuan negara
- P2 Mengekalkan taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap negara
- P3 Bersatu padu dan hidup dalam keadaan yang harmoni

- P4 Menyertai angkatan bersenjata untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh
P5 Menyematkan disiplin diri dan lebih bertanggungjawab untuk menjadi Warganegara yang berguna
P6 Berbangga dan bersyukur hidup di bumi merdeka ini

[Maksimum: 3 markah]
[isi cukup 2 isi]

(iii) **Satu** persoalan yang terdapat dalam petikan ialah :

P1 Persoalan semangat patriotisme yang tinggi dalam diri pejuang

Contohnya : Ahmad Mutawakkil menggesa rakyat terutama orang Melayu supaya bersiap sedia mengisi kemerdekaan [1+1]

P2 Persoalan menghargai jasa orang yang telah berbudi dan berjasa kepada kita

Contohnya : Ahmad Mutawakkil tidak pernah melupakan jasa anak gadis Tuan Booth yang mengajarnya menulis dan membaca. [1+1]

Pilih mana-mana 1 isi

Satu persoalan lain daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan ialah:

K1 Persoalan kerjasama yang erat dalam kalangan penduduk

Contohnya : Penduduk kampung bekerjasama mencari Ahmad Mutawakkil yang hilang. [1+1]

K2 Persoalan kekejaman dan kezaliman pihak penganas terhadap masyarakat

Contohnya : Serangan maut penganas komunis telah mengorbankan tiga orang pengurus berbangsa Inggeris dalam serangan berkembar di Estet Ephil dan di Estet Sungai Siput.. [1+1]

K2 Persoalan kasih sayang sebagai pengikat hubungan sesama anggota keluarga

Contohnya : Tuan Booth amat menyayangi ahli keluarganya apabila dia bertindak membawa mereka berpindah seminggu sebelum kemaraan Tentera Jepun di Tanah Melayu. [1+1]

Pilih mana-mana 1 isi
[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata *menyuruh orangnya berkawal* ialah:

- P1 meminta/mengarahkan/memerintahkan pengawal-pengawalnya/pegawai Pegawainya/ pengikut-pengikutnya/ anak buahnya berjaga-jaga [2 m]
P2 meminta/mengarahkan/memerintahkan orangnya berkawal [1 m]
P3 menyuruh pengawal-pengawalnya/pegawai-pegawainya/pengikut pengikutnya/ anak buahnya berjaga-jaga [1 m]

[Maksimum : 2 markah]

- II. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Temenggung sebaik-baik menerima arahan daripada sultan ialah:

- P1 Temenggung menyuruh orangnya memberitahu orang kaya-kaya supaya berkawal di kampung masing-masing
- P2 Temenggung mengarahkan orangnya memaklumkan kepada saudagar berkawal di kampung masing-masing
- P3 Setelah hari malam, Temenggung menyuruhnya orangnya berkawal terlalu ramai dengan alat senjata yang banyak

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup 2 isi]

- (iii) Pada pendapat saya, ciri-ciri pimpinan yang baik ialah :

- P1 Bertanggungjawab terhadap anak buahnya
- P2 Amanah dengan tugas dan tanggungjawab yang diberikan
- P3 Adil melaksanakan tanggungjawab dan tidak memilih kasih
- P4 Bijaksana menyelesaikan sesuatu masalah
- P5 Berkarisma untuk memimpin sesebuah organisasi

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup 2 isi]

Soalan 2 (d) : Petikan Sajak

- (i) Keadaanhidup sorang tua dalam sajak di atas ialah:

- P1 – berasa kesunyian
- P1 – berasa kesepian
- P3 - sakit
- P4 - berasa tidak bererti

- (ii) Tindakan yang wajar dilakukan oleh anak-anak untuk membahagiakan ibu bapa sekiranya mereka tinggal berjauhan ialah:

- P1 Selalu menelefon ibu bapa untuk bertanya khabaf
- P2 Lebih kerap menziarahi ibu bapa
- P3 Memberi wang perbelanjaan kepada ibu bapa
- P4 Meraikan hati istimewa ibu bapa seperti hari lahir dan hari ulang tahun Perkahwinan
- P5 Mengajak ibu bapa melancong / menunaikan umrah atau haji
- P6 Menjaga kebajikan ibu bapa

- (iii) Dua pengajaran daripada sajak di atas ialah :

- P1 Anak-anak mestilah bertanggungjawab menjaga ibu bapa agar kehidupan akan diberkati Tuhan
- P2 Anak-anak perlulah kerap menziarahi ibu bapa agar ibu bapa sentiasa gembira
- P3 Kita mestilah menjaga kebajikan ibu bapa agar ibu bapa tidak terabai
- P4 Mengajak ibu bapa melancong / menunaikan umrah atau haji

3 (a)

- (i) Tuhan telah menjadikan alam semesta ini untuk dihuni oleh semua makhluk
- (ii) Pekedai itu membeli barang-barang yang akan dijualnya pada harga borong untuk memaksimumkan keuntungan.
- (iii) Kakitangan kerajaan sepatutnya mengamalkan sikap mesra pelanggan supaya untuk

- memudahkan urusan orang ramai
- (iv) Sesi soal jawab antara wartawan dengan menteri itu telah ditamatkan
- (v) Sebeum mendapat didikan di sekolah, anak-anak telah memperoleh tunjuk ajar daripada ibu bapa di rumah
- (vi) Murid-murid gemar membuat ulang kaji pada saat-saat akhir menjelang Peperiksaan.
- 3 (b) (i) Subjek : Ahmad dan rakan sekelasnya
Predikat : membeli majalah Dewan Siswa dari Kedai Buku Popular di bandar itu.
- (ii) Subjek : Keindahan panorama di bandar itu
Predikat : memikat hati para pengunjung
- (iii) Subjek : kami sekeluarga
Predikat : akan bercuti di luar negara pada setiap tahun
- (iv) Subjek : Surat yang baru di terima itu
Predikat : daripada rakannya di Kuala Lumpur
- (v) Subjek : Kami
Predikat : mengikuti ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan SPM di dewan sekolah.
- (vi) Subjek : Masyarakat Iban dan Bidayuh di Sarawak
Predikat : menyambut Hari Gawai pada bulan Jun setiap tahun.
- 3 (c) (i) lalulintas – lalu lintas
Tertutup – penutupan
- (ii) Yang Di-pertua – Yang Dipertua
menjalani - menjalankan
- (iii) Satay - sate
Didapat – didapati
- 3 (d) (i) ganjaran – pendapatan
Dia usahakan - diusahakannya
- (ii) menerangkan tentang – menerangkan
Penghapusan - pelupusan
- (iii) paling hebat sekali – paling hebat/hebat sekali
Peruntukan – ganjaran/hadiah
- 3 (e) (i) Anak dagang
(ii) Bagai kaca terhempas ke batu
(ii) Yang lama dikelek, yang baharu didukung
- 4 (a) Novel yang saya pelajari ialah **Novel Jendela Menghadap Jalan** karya Rohaini Matdarin.
Peristiwa tentang ketabahan yang terdapat dalam novel ini ialah:
1. Peristiwa Lili bersikap tabah apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah sepanjang dia menghabiskan masa cuti sekolah di kampung datuknya. [1+1]
Persoalan ketabahan yang terdapat ialah **persoalan ketabahan berhadapan pelbagai cabaran**
 - 2.. **Peristiwa** Lili tabah dalam usaha membantu menyelesaikan kes keganasan rumah tangga Che Jah walaupun dilarang oleh neneknya supaya tidak masuk campur. [1+1]
Persoalan ketabahan membantu menyelesaikan kes keganasan rumah tangga
 - 3.. **Peristiwa** Lili tabah dalam usaha memenuhi keinginan ibunya agar bercuti di kampung ibunya dengan hati yang berat. [1 +1]
Persoalan ketabahan memenuhi keinginan ibunya

4. **Peristiwa** Lili tabah sewaktu diancam dengan senjata tajam dan diculik serta disembunyikan oleh Haziq dan Rafiq anak lelaki Che Jah.
Persoalan ketabahan semasa menghadapi ancaman [1+1]
- 5 Peristiwa Lili tabah menunggu penjelasan datuk tentang faktor jendela rumah di Kampung Sentosa, Dungun menghadap jalan
Persoalan ketabahan menunggu jawapan/penjelasan
- 6 Peristiwa datuk Lili, Hj. Abdul Rahman tabah dalam melaksanakan tugasnya sebagai pengamal perubatan tradisional dalam merawat pesakit-pesakitnya
Persoalan melaksanakan tanggungjawab
- 7 Peristiwa datuk tabah menghadapi fitnah segelintir daripada penduduk kampung yang menuduh datuk kononnya bersubahat dalam pengambilan tanah penduduk kampung
Persoalan ketabahan menghadapi fitnah
- 8 Peristiwa Che Jah tabah menerima deraan suaminya, Seman yang panans baran, kaki judi dan melakukan keganasan rumah tangga terhadapnya serta tabah dengan sikap anak-anaknya, Haziq dan Rafiq yang bermasalah kerana sering mencuri di rumah dan terlibat dengan dadah
Persoalan ketabahan menghadapi keganasan rumah tangga dan anak-anak yang bermasalah

Novel yang saya pelajari ialah **Novel Songket Berbenang Emas**. Peristiwa ketabahan yang terdapat dalam novel ini ialah:

- 1 Peristiwa Dahlia tabah meneruskan pelajaran di Tingkatan Enam dan tabah mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan STPM walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti masalah emaknya yang sakit, peristiwa ayahnya dipatuk ular tedung dan keluarga terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan Banjir kerana rumahnya dihanyutkan oleh air semasa banjir.
Persoalan ketabahan mengulang kaji pelajaran/ketabahan dalam menuntut ilmu [1+1]
2. **Peristiwa** Dahlia begitu tabah menangani kerenah dan layanan buruk Nek Kiah yang menuduhnya sebagai perempuan yang tidak baik
Persoalan ketabahan berhadapan dengan tuduhan buruk ahli keluarga sendiri [1+1]
3. Peristiwa Dahlia tabah apabila dihina oleh Aton yang menyalahkannya sewaktu gagal menyelamatkan anaknya, Said yang mati lemas dan Aton menuduhnya sebagai pembunuh dan sengaja lewat terjun ke sungai
ATAU
Peristiwa Embong tabah menerima penghinaan daripada ibu mertuanya, Nek Kiah yang beranggapan bahawa Embong menjadi punca masalah yang menimpa anaknya Saleha hingga terganggu fikiran
Persoalan ketabahan menghadapi penghinaan [1+1]
- 4 Peristiwa Dahlia tetap tabah apabila Nek Kiah mendesaknya keluar dari rumah kerana dihasut oleh Pak Cik Semannya agar menjual tanah yang menjadi tempat tinggal mereka selama ini. [1+1]
Persoalan ketabahan berhadapan dengan keluarga yang tamak/tekanan hidup
- 5 Peristiwa Embong tabah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga untuk mengatasi masalah kemiskinan hidup

Persoalan ketabahan melaksanakan tugas sebagai ketua keluarga

- 6 Peristiwa Embong tabah apabila isterinya, Saleha menghadapi tekanan jiwa dan terpaksa dihantar ke Hospital Permai

Persoalan ketabahan menerima ujian hidup

- 7 Peristiwa Dahlia tabah menjaga dan melayani adik-adiknya setelah ibunya, Saleha dirawat di Hospital Permai, diikuti bapanya, Embong dimasukkan ke hospital kerana dipatuk ular.

Persoalan ketabahan menjalankan tanggungjawab seorang kakak

- 4 (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu kepincangan** masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

Kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel ialah:

Novel Jendela Menghadap jalan

1. **Masyarakat remaja/anak muda yang terlibat dalam keruntuhan akhlak dan najis dadah** 1m

Peristiwa anak-anak Che Jah iaitu Rafiq dan Haziq terlibat dengan penagihan dadah dan sering mencuri barang-barang di rumah mereka termasuk barang kemas ibu mereka Che Jah untuk membeli dadah sehingga pernah dimasukkan ke penjara dan pusat tahanan juvana atas kesalahan juvana yang pernah dilakukan sebelum ini.

2m

2. **Sikap suami yang melakukan keganasan dalam rumah tangga.** 1m

Peristiwa Suami Che Jah, Seman yang bersifat panas baran, kaki judi dan pemabuk sering mendera dan menjadikan Che Jah mangsa sepak terajangnya sehingga Che Jah hidup menderita dan mengalami tekanan..

2m

3. **Sikap seorang bapa yang kejam dan tidak bertanggungjawab** 1m

Peristiwa Seman sebagai seorang ayah mengabaikan tanggungjawab **sebagai ketua keluarga dan menyebabkan anak-anaknya, Haziq dan Rafiq menjadi** nakal serta terlibat dalam penagihan dadah jenis syabu. Seman juga sering memarahi dan memukul anak-anaknya, malah sanggup menuduh anak-anaknya yang mencuri kubah masjid, pada hal dia sendiri yang mencuri kubah berkenaan.

2m

4. **Masyarakat yang tidak bersepakat dalam melaksanakan isu-isu penting di kampung** 1m

Peristiwa penduduk Kampung Sentosa tidak sepakat dan bertelagah dalam isu pemasangan kubah iaitu sama ada meletakkan kubah pada bumbung surau yang telah usang atau pada bumbung masjid yang belum dibina.

2m

5. **Masyarakat yang melakukan jenayah** 1m

Peristiwa suami Che Jah, Seman telah mencuri kubah baharu di kampung itu dan telah ditangkap serta dibawa ke balai polis oleh penduduk kampung

2m

6. **Masyarakat yang membuat tuduhan tanpa usul periksa** 1m

Peristiwa sekumpulan pemuda datang dengan marah-marah sambil mengarak sepanduk dan melaungkan “Haji Abdul Rahman pengkhianat bangsa!” di halaman rumah datuk Lili kerana menganggap datuk Lili melindungi penjenayah Hafiq dan Raziq. 2 m

7. **Masyarakat yang tidak amanah** 1 m

Peristiwa datuk Lili pernah membantu Seman dengan memintanya melakukan kerja di kebun tetapi hasil kebun tersebut tidak diserahkan kepada datuk Lili sebaliknya telah dijual oleh Seman. 2m

Novel Songket Berbenang Emas

1. **Masyarakat yang sering menyindir dan menabur fitnah**

1m

Peristiwa Aton sering menyindir Dahlia sebagai gadis yang tidak baik, malah Aton telah menyindir dan memfitnah Dahlia sebagai perempuan yang rendah akhlak semasa mereka bersama-sama menyediakan hidangan untuk Majlis Maulidur Rasul peringkat Parit Haji Rais./ Seman memfitnah adik iparnya, Embong kepada ibunya, Nek Kiah yang dikatakan menjadi punca Saleha menjadi Embong. 2m

2. **Masyarakat yang mempercayai kepercayaan karut**

1m

Peristiwa Nek Kiah datang ke rumah Embong dan menggunakan kapur untuk menggores pintu dengan tanda pangkah yang bertujuan untuk mengelakkan hantu masuk ke dalam rumah./peristiwa Nek Kiah mengarahkan anak muda segera mengangkat Said di tebing sungai dan dibawa keliling rumah sebanyak tujuh kali untuk memastikan Said kembali bernyawa, namun usaha itu gagal. 2m

3. **Masyarakat yang tidak tahu menghargai jasa dan pengorbanan orang lain terhadap keluarganya**

1m

Peristiwa Aton telah memaki hamun Dahlia di hadapan orang kampung dan menuduh Dahlia membunuh anak lelaki tunggalnya, Said sedangkan Dahlia berusaha terjun ke sungai untuk mencari dan menyelamatkan Said yang tenggelam di dasar sungai walaupun arus sungai deras. 2m

4. **Masyarakat yang tidak mementingkan hubungan kekeluargaan** 1 m

Peristiwa Seman sanggup memujuk dan mencadangkan emaknya, Nek Kiah agar menjual tanah pusaka seluas lima ekar termasuk tanah tapak rumah Embong sekarang. Nek Kiah bersetuju untuk menjual tanah pusaka itu lantaran harganya mahal, iaitu lima belas ribu seekar tanpa mempedulikan nasib Embong dan anak-anaknya. Nek Kiah juga sanggup menghalau Dahlia agar segera berpindah dari tapak sedia ada kerana tanah itu akan dijual. 2 m

5. **Sikap ahli keluarga yang memandang rendah terhadap keluarga sendiri**

Peristiwa Nek Kiah memandang hina dan meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap Embong yang dikatakan membawa nasib malang terhadap anaknya, Saleha sejak mereka berkahwin hingga mempunyai enam orang anak. 2m

6. **Masyarakat remaja yang sering terpengaruh dengan rakan sebaya** 1 m

Peristiwa Abu Bakar, anak lelaki tunggal Embong yang tiga hari tidak pulang ke rumah dan sering melepak dengan kawan-kawannya di luar serta tidak mahu mendengar nasihat ayahnya, Embong dan kakaknya, Dahlia. 2m

SKEMA JAWAPAN TAMAT